

# KUASA IMEJ PROFESIONAL

## Selangkah Menuju Kejayaan

**S**corang rakan pernah bersungut kerana terlepas kenaikan pangkat kepada rakan sepejabatnya yang baru setahun bekerja. Memandangkan pengalaman dan prestasinya, agak menghairankan juga apabila mendapat tahu beliau ditewaskan oleh calon yang jauh lebih muda dan kurang pengalaman berbanding rakan tadi. Namun, jawapan kepada persoalan ini terjawab dengan sendiri setelah terserempak dengan pesaingnya. Sekali pandang, sudah dapat diagak puncanya. Daripada segi penampilan diri, rakan tadi jauh ketinggalan berbanding pesaingnya.

Imej profesional pada hari ini bukan lagi sesuatu yang mewah tetapi sudah menjadi suatu keperluan. Pendapat Dolly Kee, Pengetua Perunding dari Image Power ini dipersejui oleh Dale Carnegie yang menyatakan bahawa imej seseorang berkait rapat dengan kejayaannya. Penampilan imej profesional sering dituntut oleh sesbuah organisasi. Dalam dunia penuh persaingan ini, imej memainkan peranan penting sebelum seseorang individu atau sesbuah korporat mendapat kepercayaan pihak lain.

Semua yang kita lakukan akan dinilai oleh orang lain. Penilaian ini dilakukan menerusi deria penglihatan, pendengaran, sentuhan dan bau. Orang menilai pembawaan diri kita dengan melihat cara kita berdiri, berjalan dan duduk, mendengar pertuturan kita, melalui sentuhan tangan ketika berjabat serta daripada bau badan kita. Faktor utama penilaian ialah daripada apa yang dilihat (*visual*) dan diikuti oleh cara penyampaian mesej (*vocal*) dan kata-kata dalam mesej (*verbal*).

Kenapa imej profesional? Dolly menjelaskan bahawa hanya imej

profesional yang diterima dalam persekitaran kerjaya. "Kematangan, kecekapan, daya saing dan kecekalan adalah dituntut jika kita mahu berjaya dalam sesuatu kerjaya. Namun, semua sifat ini perlu dilahirkan dalam satu kesatuan keperibadian yang mantap iaitu imej profesional."

Imej profesional melahirkan kuasa, menanam keyakinan diri, memberi pandangan terpuji dan memelihara persahabatan lantas memantapkan kedudukan kita dalam dunia perniagaan dan korporat. Imej profesional ialah kombinasi pernyataan pertuturan (*verbal*) dan pernyataan bukan pertuturan (*non verbal*). Oleh itu, jika kita mahu diiktiraf sebagai profesional, kita harus mencerminkan profesionalisme dalam semua aspek – pakaian, gaya, perawakan dan suara.

Namun, harus diingat bahawa imej profesional bukanlah sesuatu yang dilakonkan untuk mengaburi mata orang lain. Ia juga haruslah bersesuaian dengan keadaan, persekitaran atau budaya tempatan di mana kita berada.

Kejayaan tidak boleh dipisahkan daripada tenaga fizikal, intelektual dan aspirasi dalam yang membolehkan kita menonjolkan keupayaan sebenar diri kita. Ada tiga persepsi asas sebelum kita membentuk imej profesional. Pertama, cara kita melihat diri kita sendiri. Adakah kita berpuas hati dengan penampilan diri kita? Cuba kenal pasti bahagian diri kita yang sepatutnya diperbaiki. Kedua, cara orang lain melihat diri kita. Cuba lihat dengan kritis dan dengan hati terbuka. Ketiga, ialah persepsi ideal. Persepsi ideal melibatkan cara kita ingin melihat diri kita dan ingin dilihat oleh orang lain.

OLEH DOLLY KEE

Imej bukan cara untuk mengaburi pandangan orang lain. Kita tidak akan berjaya jika hanya berlakon atau berpura-pura profesional sahaja. Imej ialah alat komunikasi untuk memaparkan kekuatan sikap dan sifat sebenar seseorang individu. Oleh itu, berkomunikasilah dengan jujur. Bertindaklah sekaran untuk membentuk penampilan diri kita untuk berjaya dalam kerjaya dan kehidupan kita. Cubalah kaedah-kaedah ini:

- **Tampil sebagai seorang profesional**

Penampilan ini harus konsisten. Kita tidak boleh bertindak profesional pada satu masa dan sebaliknya pula dalam keadaan lain. Jadikan imej profesional sebagai warna sebenar diri kita.

- **Tingkatkan imej pertuturan**

Ini melibatkan dua elemen penting. Pertama ialah kualiti butir-butir pertuturan. Elemen seterusnya ialah cara kita menyampaikan kata-kata. Kedua-duanya haruslah memancarkan keyakinan diri dan menunjukkan bahawa kita tahu apa yang kita perkatakan. Penggunaan bahasa Melayu dan Inggeris amat penting untuk membolehkan kita berkomunikasi dengan tepat dan selesa dalam kerjaya atau untuk bersosial.

- **Membina reputasi kredibiliti, tanggungjawab dan ketulenan diri**

Ini tidak sukar untuk dibentuk jika kita prihatin dalam apa jua perkara yang dilakukan. Perkara ini berkait rapat dengan keupayaan kita melaksanakan tugas yang diamanahkan tanpa meniru atau terikut-ikut dengan orang lain.

- **Kejujuran diri**

Walaupun kejujuran adalah sifat dalam kita harus melahirkan menerusi perbuatan dan pertuturan sehari-hari. Tanpa sifat jujur, kita tidak mendapat tempat walau di mana jujun.

- **Meletakkan matlamat untuk mencapai standard diri yang tinggi**

Dengan berbuat begini, kita akan lebih berazam untuk mempertingkatkan penampilan diri kita. Pencapaian profesional adalah berdasarkan kepada standard diri yang tinggi.

- **Menguasai etika perniagaan**

Kita harus menguasai bahagian ini untuk mengelakkannya daripada berasa jangjal atau ketinggalan ketika menjalankan urusan perniagaan.

- **Meningkatkan skil bersosial dan keupayaan membina rangkaian**

Skil bersosial penting untuk membina rangkaian manakala rangkaian pula penting untuk memudahkan kita melaksanakan tugas. Selain itu, rangkaian yang baik membolehkan kita mendapat maklumat penting dalam perniagaan dan terus berada di hadapan pesaing-pesaing lain.

- **Luaskan pengetahuan**

Sebagai seorang profesional, kita tidak boleh ketinggalan dalam soal itu. Pengetahuan mengenai teknologi terbaru atau teknik terbaru dalam industri wajib diketahui dan diaplakisikan di dalam kerjaya. Kepujian diri sendiri adalah tanggungjawab diri sendiri.

Senarai ini memang panjang dan boleh membuat kita mengeluh. Tidak kutang juga yang kurang yakin boleh melakukannya secara konsisten. Namun, dengan masa dan kesungguhan, lamakelam semuanya ini pasti sebatik dalam diri kita sendiri. Ingin, tiada paksaan dalam soal ini. Paksaan hanya membawa diri kita ke alam kepalsuan dan bersifat sementara sahaja. Hanya kita yang tahu kemahiran sebenar diri kita. Pastinya tidak menjadi masalah bagi kita untuk memilih imej kemenangan iaitu imej profesional. Lakukannya dengan penuh gaya!

Dolly Kee ialah Pengetua Perunding Image Power. Beliau memperolehi ijazah kepujian di bidang Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Malaysia. Sebelum mengasaskan Image Power, beliau ialah Pengurus Pemasaran Thomas Cook Travellers Cheques untuk Malaysia dan Brunei. Pegalaman luasnya di luar negara menerusi penyejanaan dan perwakilan di perisidangan dan program-program pemasaran menyediakan landasan kukuh bagiannya untuk menerajui sebuah syarikat Perunding Imej iaitu Image Power. Untuk sebarang pertanyaan, Image Power boleh dihubungi di nombor telefon 03-2429332, 2424089 atau faks 03-2427782.

